

Headline	Malaysia rayu kuota haji		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	07 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	173,387
Page No	7	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	172 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,399
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,198



# Malaysia rayu kuota haji

SEPANG 6 Mac - Malaysia telah mengumakan permohonan kepada kerajaan Arab Saudi untuk menambah 10,000 kuota jemaah haji bagi tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, permohonan dibuat selepas Arab Saudi mengekaikan kuota sebanyak 22,320 orang iaitu sama seperti tahun lepas berbanding kuota asal iaitu 27,900.

Pengurangan 20 peratus kuota haji kepada semua negara diputuskan oleh kerajaan Arab Saudi ekoran kerja-kerja pembesaran kawasan di sekitar Masjidil Haram, di Mekah.

Menurut beliau, sekiranya permohonan tersebut diluluskan, ia akan menjadi berita gembira sekali gus memberikan harapan baharu kepada umat Islam yang tercincir untuk menunaikan rukun Islam kelima itu.

"Ketika ini kuota haji Malaysia berjumlah 22,320 iaitu menyamai jumlah tahun sebelumnya mengikut pemotongan 20 peratus kuota

haji yang telah ditetapkan ke atas setiap negara.

"Sekarang kerajaan melalui Lemba Tabung Haji (Tabung Haji) sedang menunggu maklum balas daripada pihak berkuasa Arab Saudi berhubung permohonan penambahan kuota jemaah haji Malaysia sebanyak 10,000 pada tahun ini.

"Kita arnat berharap permohonan tersebut diluluskan kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak turut menyuarakan perkara sama bagi memastikan lebih ramai dapat me-

ngerjakan ibadah haji," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) selepas mewakili kerajaan Malaysia pada mesyuarat dengan Menteri dan Kementerian Haji Arab Saudi di sini hari ini.

Menurut Jamil Khir, situasi pengurangan 20 peratus kuota haji seluruh negara dijangka berterusan sehingga 2016 iaitu sehingga selesai

proses pembesaran kawasan sekitar Masjidil Haram.

Selain itu katanya, penerbangan pertama musim haji pada tahun ini dijadualkan pada 27 Ogos manakala penerbangan terakhir pula pada 27 September.

"Jemaah haji Malaysia dijangka melakukan wukuf pada 3 Oktober dan penerbangan balik akan bermula 10 Oktober dan berakhir 8 November," katanya.

Mengulas mengenai mesyuarat tersebut Jamil Khir berkata, kerajaan Arab Saudi akan menggunakan sepenuhnya sistem E-Haji iaitu secara atas talian dalam segala urusan haji tahun ini.

"Menerusi sistem itu, urusan visa akan dilakukan secara atas talian dan Tabung Haji tidak menghadapi sebarang masalah kerana kita telah melaksanakan perkara itu lebih awal," katanya.

Dalam pada itu katanya, kerajaan Arab Saudi memaklumkan bahawa 21 orang rakyat negara ini yang mengerjakan ibadah haji tahun lalu gagal dikesan dan tidak keluar dari negara tersebut sehingga sekarang.



JAMIL KHIR  
BAHAROM

Headline	Malaysia tunggu jawapan Arab Saudi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	6	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	209 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,076
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,227



**PERMOHONAN TAMBAH KUOTA JEMAAH HAJI**

# Malaysia tunggu jawapan Arab Saudi

**Sepang:** Malaysia sedang menunggu maklum balas Arab Saudi berhubung permohonan mendapatkan tambahan kuota 10,000 jemaah haji tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata permohonan itu dibuat Lembaga Tabung Haji (TH) baru-baru ini, selepas kerajaan negara itu mengekalkan kuota 22,320 jemaah, sama seperti tahun lalu.

Katanya, kuota itu kurang 20 peratus daripada kuota asal 27,900 jemaah Malaysia berikutan pengurangan kuota haji kepada semua negara disebabkan kerja pembesaran kawasan sekitar Masjidil Haram.

Jamil Khir berkata, jika permohonan itu diluluskan, ia akan menjadi berita gembira dan memberi harapan kepada mereka yang tercicir untuk menuaikan haji sebelum ini.

"Jika tidak dapat pertambahan kuota 10,000, memadai jika Kerajaan Arab Saudi memenuhi kuota asal iaitu 27,900 jemaah. Besar harapan supaya permohonan ini diluluskan, malah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, turut

menyuarkan perkara yang sama," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita sejurus tiba dari Arab Saudi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Jamil Khir berada di negara itu untuk mewakili Kerajaan Malaysia pada mesyuarat dengan Menteri dan Kementerian Haji Arab Saudi.

Selain itu, katanya, isu pengurangan 20 peratus kuota haji dijangka berlarutan sehingga 2016 iaitu selepas selesai pembesaran kawasan di sekitar Masjidil Haram.

Katanya, penerbangan pertama musim haji tahun ini dijadualkan pada 27 Ogos depan, manakala penerbangan terakhir pada 27 September.

Dalam perkembangan lain, Jamil Khir berkata, Kerajaan Arab Saudi memaklumkan 21 jemaah haji Malaysia tahun lalu gagal dikesan dan belum keluar dari negara hingga kini.

Mengenai mesyuarat yang dihadirinya, Jamil Khir berkata, kerajaan Arab Saudi akan menggunakan sepenuhnya sistem E-Haji iaitu pengendalian secara atas talian dalam urusan haji tahun ini.

Headline	Malaysia tunggu jawapan Arab Saudi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	07 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	6	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	209 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,076
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,227



**“Permohonan itu dibuat Lembaga Tabung Haji (TH) baru-baru ini, selepas kerajaan negara itu mengekalkan kuota 22,320 jemaah, sama seperti tahun lalu”**

**Jamil Khir Baharom,**  
Menteri  
di Jabatan Perdana Menteri